

## Lembaran Maklumat Produk – Bil Terima-i (AB-i) (Jualan)

### LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK

Sila baca Lembaran Maklumat Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menerima kemudahan Bil Terima-i (Jualan). Pastikan juga anda membaca terma dan syarat dalam surat tawaran. Dapatkan penjelasan daripada Bank Islam jika anda tidak memahami mana-mana bahagian dalam dokumen ini atau syarat am.

Bank Islam Malaysia Berhad

### Bil Terima-i (AB-i) (Jualan)

<Tarikh>

### 1. Apa kemudahan AB-i (Jualan)?

- ✓ AB-i (Jualan) ialah bil pertukaran boleh niaga yang dikeluarkan oleh bank di Malaysia untuk membiayai eksport, import serta penjualan dan pembelian perdagangan domestik Patuh Syariah. AB-i (Jualan) dikawal oleh Garis Panduan Bil Penerimaan-i yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (Garis Panduan AB-i).
- ✓ AB-i (Jualan) ialah kemudahan pembiayaan yang diberikan untuk membiayai penjualan barangan boleh niaga secara kredit yang merangkumi bahan mentah, barangan separa siap dan barangan siap. Ia adalah kemudahan pembiayaan jangka pendek apabila Bank membeli hutang yang disekuritikan dalam bentuk Bil Penerimaan.
- ✓ AB-i (Jualan) dihadkan kepada pembiayaan dalam MYR sahaja seperti yang tertakluk di bawah garis panduan AB-i.
- ✓ AB-i (Jualan) boleh disekuritikan oleh Bank untuk didagangkan di pasaran peringkat kedua.

### 2. Apakah kontrak/ konsep Syariah yang digunakan?

- ✓ Kontrak Syariah yang digunakan ialah Bai 'Dayn (Perdagangan Hutang), iaitu kontrak penjualan hutang perdagangan/ perdagangan belum terima anda yang timbul daripada urus niaga yang berkaitan dengan perdagangan. Anda akan menjual hutang perdagangan/perdagangan belum terima anda kepada Bank dengan amaun terdiskaun.
- ✓ Kontrak Syariah sokongan lain yang boleh digunakan ialah Ujrah – sejenis Fi atau caj perkhidmatan.
- ✓ Aset yang layak adalah mengikut aset Bank yang layak di bawah produk dan/atau yang disenaraikan di bawah program pembiayaan masing-masing.
- ✓ Struktur produk untuk AB-i (Jualan) adalah seperti berikut:

No	Penerangan
1	Anda membekalkan barangan kepada pembeli secara kredit
2	Anda menjual hutang kepada Bank
3	Bank mengkredit amaun hutang terdiskaun ke dalam akaun anda
4	Pembeli menyelesaikan amaun terhutang kepada anda pada tarikh matang.
5	Anda menyelesaikan amaun terhutang kepada Bank pada tarikh matang.

### 3. Apakah yang saya perolehi daripada produk ini?

✓ Jumlah amaun pembiayaan	Minimum : RM50,000 dan dalam jumlah berganda RM1,000 Maksimum : Sehingga 100% nilai invoice
✓ Tempoh	Minimum : 21 hari Maksimum : Sehingga 365 hari
✓ Kadar pembiayaan Bank	<p>Kos Dana (KD) AB-i + <i>spread</i> (kadar keuntungan)</p> <p>KD adalah 2.60% manakala <i>spread</i> (kadar keuntungan) adalah 1.5% (tertakluk kepada kelulusan Bank).</p> <p>KD AB-i berdasarkan kiraan atas baki harian akan disebut oleh Bank pada hari kemudahan itu hendak digunakan berdasarkan tempoh yang diminta oleh pelanggan.</p> <p>Kadar keuntungan kemudahan yang terdiri daripada KD AB-i dan <i>spread</i> (kadar keuntungan) akan ditetapkan sepanjang tempoh pembiayaan seperti yang diminta oleh pelanggan.</p> <p><b>Nota:</b> KD terkini Bank Islam berada pada kadar [2.60]% setahun adalah pada 2 Ogos 2021. Sila rujuk kepada Pusat Perhubungan Pelanggan kami di 03-26 900 900 untuk maklumat lanjut mengenai KD terkini.</p>

Contoh pengiraan harga potongan seperti ilustrasi di bawah:

FV = RM100,000

r = 10%

t = 60 hari

$$SP = 100,000 (FV) \frac{(1+(10 \times 60))}{36500}$$

$$= RM101,643.84$$

$$\text{Margin Keuntungan} = RM101,643.84 - 100,000.00$$

$$= RM1,643.84$$

SP = Harga Jualan

FV = Nilai Pembiayaan

r = Kadar Pembiayaan

t = Tempoh Pembiayaan

#### 4. Apakah tanggungjawab saya?

- ✓ Apabila pembiayaan ini matang, anda hendaklah menjelaskan nilai hutang kepada Bank apabila menerima bayaran daripada Pembeli anda

#### 5. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

- ✓ Duti Setem [seperti yang tertakluk di bawah Akta Setem 1949 (Semakan 1989)] (jika berkenaan).
  - ✓ Yuran dan Komisen.
  - ✓ Caj SWIFT/Rentas (Jika ada)
  - ✓ Bayaran Pos and Perkhidmatan Kiriman Cepat (jika ada).
- Nota:** Sila rujuk laman web kami di [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com) untuk maklumat lanjut mengenai fi dan caj.

#### 6. Apakah yang akan berlaku jika saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?

✓ Jika anda gagal memenuhi tanggungjawab anda tepat pada masanya, tindakan yang berikut akan dikenakan :-

▪ **Sekiranya berlaku kemungkiran, perkara-perkara berikut akan dilaksanakan:**

- a. Bank boleh, melalui notis bertulis kepada anda, meminta anda membuat pembayaran segera terhadap jumlah tertunggak sama ada daripada pelanggan dan/atau penjamin;
- b. Bank berhak untuk menolak sebarang baki kredit dalam akaun deposit dan/atau pelaburan anda yang diuruskan oleh Bank terhadap sebarang bayaran tertunggak di bawah pembiayaan ini;
- c. Tindakan undang-undang akan diambil sekiranya anda gagal untuk memberi maklum balas terhadap notis peringatan. Sebarang sekuriti (cagaran) yang dicagarkan kepada Bank boleh dirampas/ ditarik/ dicairkan dan anda perlu menanggung semua kos berkaitan pengurusan sekuriti tersebut. Anda juga bertanggungjawab untuk menyelesaikan sebarang kekurangan jumlah pembayaran selepas sekuriti tersebut dicairkan/ dijual. Tindakan undang-undang terhadap anda boleh memberi kesan kepada penarafan kredit anda yang membawa kepada penilaian kredit masa depan yang lebih sukar atau mahal untuk; dan
- d. Mencetuskan kemungkiran bersilang terhadap kemudahan lain dengan Bank.

▪ **Pembayaran Lewat**

Bank akan mengenakan Ta'widh (pampasan) ke atas anda seperti berikut (jika berkenaan):-

- a. Sebelum tarikh matang kemudahan  
Jumlah yang bersamaan dengan satu peratus (1%) setahun dikira ke atas ke atas tunggakan ansuran sehingga tarikh penyelesaian penuh;
- b. Selepas tarikh matang kemudahan  
Jumlah yang bersamaan dengan kadar semasa semalaman harian Pasaran Wang Antara Bank Islam dikira ke atas baki Pembiayaan iaitu baki Harga Jualan Bank setelah ditolak Ibra' (jika ada);
- c. Hutang selepas penghakiman  
Jumlah yang bersamaan dengan kadar semasa semalaman harian Pasaran Wang Antara Bank Islam ke atas jumlah asas penghakiman dikira dari tarikh penghakiman sehingga tarikh penyelesaian penuh.

**Nota:** Pengenaan Ta'widh hendaklah mengikut tatacara yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia dari semasa ke semasa.

**7. Adakah saya memerlukan perlindungan Takaful?**

- ✓ Perlindungan tidak diwajibkan. Namun begitu anda atau pembekal anda dinasihatkan untuk mengambil apa-apa perlindungan Takaful yang sesuai.

**8. Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?**

- ✓ Sekiranya anda tidak memenuhi keperluan kredit minimum, Bank mungkin menghendaki penjamin atau cagaran bagi membolehkan anda meneruskan permohonan pembiayaan.

**9. Apakah risiko utama saya?**

- ✓ Tiada risiko utama kerana kemudahan ini berbentuk jangka pendek dan berkadar tetap sepanjang tempoh pembiayaan.

## 10. Apa yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan dalam maklumat untuk menghubungi saya?

- ✓ Anda perlu memaklumkan kepada Bank dengan segera mengenai apa-apa perubahan pada maklumat perhubungan anda bagi memastikan anda menerima semua surat tepat pada masanya.

## 11. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan penyelesaian?

- ✓ Jika anda menghadapi kesukaran untuk menyelesaikan pembayaran kemudahan, anda perlu menghubungi Bank secepat mungkin untuk berbincang tentang pilihan pembayaran. Anda boleh menghubungi Bank di:-

### **Operasi Perdagangan**

#### **Bank Islam Malaysia Berhad**

Tingkat 13, Menara Bank Islam

No. 22, Jalan Perak

50450 Kuala Lumpur

Tel: 03-2782 1078/ 1089/ 1087/ 1086

Faks: 03-2782 1346

### **Atau**

### **Perbankan Instititusi Kumpulan**

#### **Bank Islam Malaysia Berhad**

Tingkat 27, Menara Bank Islam

No 22, Jalan Perak,

50450 Kuala Lumpur

Pegawai Perhubungan: (to be filled by our RM's)

Tel: (to be filled by our RM's)

Faks: 03-2726 7818

E-mel: (to be filled by our RM's)

### **Atau**

### **Perbankan PKS**

#### **Bank Islam Malaysia Berhad**

Tingkat 29, Menara Bank Islam

No 22, Jalan Perak,

50450 Kuala Lumpur

Pegawai Perhubungan: (to be filled by our RM's)

E-mel: [sme-assist@bankislam.com.my](mailto:sme-assist@bankislam.com.my)

- ✓ Jika anda ingin membuat aduan tentang produk atau perkhidmatan yang kami sediakan, anda boleh menghubungi kami di:

## **Pusat Panggilan dan Khidmat Pelanggan**

Bank Islam Malaysia Berhad  
Tingkat 17, Menara Bank Islam  
No 22, Jalan Perak,  
50450 Kuala Lumpur  
Tel: 03-26 900 900  
Faks: 03-2782 1337  
E-mel: [customercare@bankislam.com.my](mailto:customercare@bankislam.com.my)

- ✓ Untuk PKS, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia bertujuan menyediakan perkhidmatan dan pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan hutang secara percuma. Anda boleh menghubungi AKPK di:  
Tingkat 5 dan 6,  
Menara Bumiputra Commerce  
Jalan Raja Laut  
50350 Kuala Lumpur  
Tel: 603 -2616 7766  
Faks: 603 -2616 7601  
Laman web: [akpk.org.my](http://akpk.org.my)

- ✓ Jika Bank tidak memberikan penyelesaian yang memuaskan terhadap pertanyaan atau aduan anda, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia melalui LINK atau TELELINK di:

Blok D, Bank Negara Malaysia,  
Jalan Dato' Onn,  
50480 Kuala Lumpur.  
Tel: 1-300-88-5465  
Faks: 03-2174 1515  
E-mel: [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my)

## **12. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

- ✓ Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut tentang produk ini, sila rujuk cawangan kami atau hubungi:

**Pusat Panggilan dan Khidmat Pelanggan**  
Tingkat 17, Menara Bank Islam,  
No. 22, Jalan Perak,  
50450 Kuala Lumpur.  
Tel: 03-26 900 900  
E-mel: [contactcenter@bankislam.com.my](mailto:contactcenter@bankislam.com.my)  
[www.bankislam.com](http://www.bankislam.com)

## **13. Apakah pakej kemudahan perdagangan lain yang disediakan?**

1. Tawarruq Perdagangan-i
2. Pembiayaan Modal Kerja Perdagangan-i (Belian)
3. Pembiayaan Modal Kerja Perdagangan-i (Jualan)
4. Surat Kredit-i

5. Surat Pemindahan Kredit-i
6. Jaminan Perkapalan-i
7. Jaminan Bank-i
8. Bil Penerimaan-i (Belian)
9. Bil Pertukaran Belian-i
10. Pungutan Berdokumen-i
11. Pembiayaan Semula Kredit Eksport-i
12. Surat Kredit Persediaan-i

**NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL KE ATAS ANDA JIKA ANDA GAGAL MEMBUAT BAYARAN BAGI KEMUDAHAN PEMBIAYAAN ANDA.**

**Nota:**

1. Perkara di atas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Keuntungan dan/atau caj mungkin berbeza dan tertakluk kepada terma dan syarat Bank Islam.
2. Kos Dana yang ditunjukkan dalam Lembaran Pendedahan Produk ini tertakluk kepada perubahan.
3. Maklumat yang diberikan dalam Lembaran Pendedahan Produk ini sah setakat 18/10/2023.

Pengesahan Terima oleh Pelanggan

.....

Nama:

No. Kad Pengenalan:

Tarikh: